



PELAWAAN UNTUK MEREKA BENTUK LOGO SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2016

TERMA PENYERTAAN

1. LATAR BELAKANG

Adalah dimaklumkan bahawa Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) telah dianjurkan setiap tahun susulan termaktubnya Deklarasi Langkawi Mengenai Alam Sekitar pada Oktober 1989. Semenjak tahun 1991 Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) menerusi Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti sebagai usaha berterusan Kerajaan untuk menerap dan meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat Malaysia. Minggu Alam Sekitar Malaysia disambut pada setiap tahun dari 21 hingga 27 Oktober bersempena Hari Alam Sekitar Malaysia yang jatuh pada 21 Oktober.

Sempena tahun sambutan ke-25 pada tahun 2016, atas cetusan idea YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar maka pada tahun ini Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah bersetuju menjenamakan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) kepada Hari Alam Sekitar Negara, HASN (*National Environmental Day*). Tema HASN pada tahun ini adalah "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama".

2. OBJEKTIF

- (i) Untuk merekabentuk logo Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2016 yang buat julung kalinya diadakan;
- (ii) Untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada masyarakat Malaysia dalam menyumbang idea yang kreatif dan inovatif dalam merekabentuk logo dan seterusnya menjayakan Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2016; dan
- (iii) Untuk menggalakkan masyarakat Malaysia dalam menghayati tema Hari Alam Sekitar Negara 2016 iaitu "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama" dan seterusnya memupuk kesedaran masyarakat dalam pemuliharaan alam sekitar.

3. SPESIFIKASI

- (i) Reka bentuk logo hendaklah baru dan asli.
- (ii) Reka bentuk logo boleh dicipta sama ada dengan lukisan tangan atau menggunakan grafik komputer dan dihasilkan menggunakan kertas bersaiz A4 berwarna putih.
- (iii) Reka bentuk logo mempunyai penjelasan atau maksud atau rasional.
- (iv) Reka bentuk logo adalah berkonsepkan Tema Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2016 iaitu "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama".

4. PENYERTAAN

- (i) Jabatan Alam Sekitar mempelawa penyertaan untuk menyertai 'Mereka Bentuk Logo Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2016' kepada semua masyarakat Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas.
- (ii) Penyertaan ini adalah percuma.
- (iii) Jabatan Alam Sekitar berhak ke atas logo yang terpilih samada untuk dipinda atau diubahsuai ataupun bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan ataupun dicetak dalam mana-mana acara bagi Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2016, bagi Sambutan Hari Alam Sekitar Negara untuk tahun-tahun yang seterusnya atau bagi apa-apa tujuan yang berkaitan.
- (iv) Tarikh tutup penyertaan adalah pada **16 April 2016**.
- (v) Penyertaan boleh dikemukakan secara '*hard-copy*' atau '*soft-copy*'.
- (vi) Setiap penyertaan secara '*hard-copy*' hendaklah dibuat dengan mengemukakan **rekabentuk logo beserta Borang Penyertaan** kepada Urusetia Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2016 di alamat seperti berikut:-

Pengarah
Bahagian Komunikasi Strategik
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Aras 1, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 W.P. PUTRAJAYA
(U.p.: Urusetia Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2016)
Tel. : 03-8871 2000
Faks : 03-8889 1042

(vii) Setiap penyertaan secara *'soft-copy'* hendaklah dibuat dengan mengemukakan *'soft-copy'* rekabentuk logo beserta **Borang Penyertaan** kepada Urusetia Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2016 menerusi e-mail kepada seperti berikut:-

azehan@doe.gov.my, aswadi@doe.gov.my dan helmi@doe.gov.my

5. PENILAIAN

Logo yang terpilih sebagai Logo Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2016 adalah menerusi pemilihan oleh Panel Penilai NRE / JAS.

6. PENGHARGAAN PENYERTAAN

Setiap penyertaan akan menerima Sijil Penghargaan dari Jabatan Alam Sekitar. Rekabentuk yang terpilih sebagai Logo Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2016 akan menerima publisiti yang sewajarnya dan token penghargaan yang akan diberitahu kelak.

7. PERTANYAAN / MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh menghubungi Urusetia Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2016 seperti berikut:-

- En. Mohd. Helmi Ahmad
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Komunikasi Strategik
Tel.: 03-8871 2081 / e-mail: helmi@doe.gov.my
- Pn. Noorazehan Baharum
Penolong Pengarah, Bahagian Komunikasi Strategik
Tel.: 03-8871 2057 / e-mail: azehan@doe.gov.my
- En. Azwadi Ahmad
Penolong Jurutera, Bahagian Komunikasi Strategik
Tel.: 03-8871 2068 / e-mail: aswadi@doe.gov.my



**PELAWAAN UNTUK MEREKA BENTUK LOGO SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR
NEGARA 2016**

BORANG PENYERTAAN

Nama :

No. Kad
Pengenalan :

Alamat :
.....
.....

No. Telefon :

E-mail :

Keterangan Logo : Gunakan Lampiran berasingan

Pengakuan : Adalah dengan ini saya mengaku bahawa idea, konsep dan penerangan dalam rekabentuk logo ini adalah asli dan tidak pernah diterbitkan, disiarkan, ditiru, digunakan atau diambil daripada mana-mana pihak atau hasil kerja pihak yang lain.

Saya juga bersetuju bahawa jika rekabentuk logo ini terpilih, ianya akan menjadi hak milik Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sepenuhnya dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.

Tandatangan :

Tarikh :